



SIARAN AKHBAR

GROWBIZ BERJAYA BIMBING 160 USAHAWAN MIKRO NAIK TARAF PERNIAGAAN



YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (tengah) bersama penerima Anugerah Khas Majlis Graduasi Program GrowBiz 2024/2025. Turut kelihatan ialah YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (enam dari kanan), Coach Anusia Ramasamy, Ketua Pegawai Eksekutif AverNoble Sdn. Bhd. (lima dari kiri) dan Puan Nazura Zahian binti Rahime, Ketua Pegawai Eksekutif Celebrate TV Sdn. Bhd. (lima dari kanan).

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2025 – Seramai 160 usahawan mikro dan kecil telah dibimbing untuk menaik taraf dan meningkatkan daya saing mereka menerusi penyertaan dalam Program GrowBiz. Majlis Graduasi Program GrowBiz 2024/2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang mewakili YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini.

GrowBiz merupakan inisiatif di bawah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia, agensi di bawah KUSKOP. Program ini memberi bimbingan kepada usahawan dalam menaik taraf perniagaan mereka daripada perniagaan bersaiz mikro kepada kecil serta meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan produktiviti perniagaan. Ia telah diperkenalkan pada tahun 2021/2022 dan graduan kali ini merupakan kumpulan ketiga dalam pelaksanaan Program GrowBiz.

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee dalam ucapannya telah menyatakan bahawa peserta di bawah Program GrowBiz 2024/2025 bakal menjadi sebahagian usahawan yang akan dibimbing untuk dinaik taraf saiznya sejajar dengan hasrat KUSKOP dan Agensi memberikan tumpuan terhadap penskalaan PMKS khususnya bagi meningkatkan perusahaan bersaiz sederhana kepada 5% berbanding 1.8% ketika ini. Malah, ujar beliau lagi, dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, sasaran ini telah ditingkatkan kepada 10%.

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee juga telah mengumumkan berita baik semasa ucapannya. Menurut beliau, "Peserta terbaik di bawah Program GrowBiz ini akan dijemput untuk menerima sijil daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dalam program yang akan diadakan di Tawau, Sabah pada bulan Mei 2025".

Pada majlis yang sama, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia turut berkongsi mengenai pencapaian dan impak Program GrowBiz 2024/2025. Beliau berkata, "Berdasarkan pemantauan selepas tamat menyertai Program GrowBiz, 152 peserta (94%) menunjukkan peningkatan jualan sehingga ada yang berjaya mencecah kenaikan 291%. Selain itu, 63% peserta telah berjaya menaik taraf perniagaan daripada mikro kepada kecil manakala 65% peserta menambah bilangan pekerja yang berjaya mewujudkan 281 pekerjaan baharu. Terdapat juga beberapa peserta yang berjaya mengeksport ke United Kingdom, Switzerland, Brunei, Dubai, China, Bangladesh, Vietnam, Ireland, Qatar, Thailand dan Singapura".

GrowBiz menggunakan pendekatan bimbingan khusus (*hand-holding*) ke atas perusahaan mikro yang merangkumi elemen latihan, tunjuk ajar (*coaching*) dan pemantauan bagi membimbing perusahaan mikro meningkatkan perniagaan ke tahap

seterusnya. GrowBiz kali ini yang dilaksanakan oleh dua (2) Rakan Pelaksana iaitu AverNoble Sdn. Bhd. untuk peserta dari Semenanjung Malaysia dan Celebrate TV Sdn. Bhd. untuk peserta dari Sabah dan Sarawak turut disokong oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) sebagai Rakan Strategik.

Hadir sama, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Coach Anusia Ramasamy, Ketua Pegawai Eksekutif AverNoble Sdn. Bhd. dan Puan Nazura Zahian binti Rahime, Ketua Pegawai Eksekutif Celebrate TV Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program GrowBiz, sila layari laman sesawang, www.smecorp.gov.my.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my